A

Chen Chee Sin dan lain-lain lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–477 DAN 478 TAHUN 2010
ABDUL MALIK ISHAK, AZAHAR MOHAMED DAN ZAWAWI SALLEH HHMR
23 DISEMBER 2013

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Kesalahan mengedar 28.6g dadah berbahaya — Tertuduh-tertuduh disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati — Sama ada hakim bicara terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang — Sama ada hakim bicara mengambil kira fakta dan keadaan masa pada masa kejadian — Sama ada inti pati pertuduhan dipenuhi — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(c)

D

Undang-Undang Jenayah — Niat bersama — Persediaan — Tertuduh-tertuduh disabitkan atas kesalahan mengedar dadah — Tertuduh kedua membawa beg berisi dadah ketika pertemuan antara tertuduh pertama dengan polis — Sama ada terdapat persiapan dan persediaan mengedar dadah bersama-sama — Sama ada tertuduh kedua dianggap terlibat secara langsung walaupun tidak terlibat dalam perancangan rundingan jual beli dadah — Sama ada terdapat niat bersama — Kanun Keseksaan s 34

E

F

Bertindak atas maklumat mengenai suatu kegiatan dadah, SP4 menghubungi nombor telefon yang telah diberikan kepadanya oleh satu sumber dan orang yang dihubungi atas talian tersebut memperkenalkan dirinya sebagai 'Ah Sing' (perayu pertama). SP4 bertanyakan sama ada Ah Sing mempunyai bekalan dadah dan Ah Sing memaklumkan kepada SP4 bahawa dia boleh membekalkan dadah jenis heroin dengan harga RM15,000 satu paun. SP4 menyatakan kepada Ah Sing bahawa dia memerlukan heroin sebanyak dua paun berjumlah RM30,000. Keduanya kemudian membuat perancangan untuk bertemu pada malam tersebut. Pada malam tersebut, SP4 menghubungi nombor Ah Sing dah melihat perayu pertama menjawab telefon dan bersama-sama dengannya adalah seorang lelaki yang menjinjing satu beg, iaitu perayu kedua. Setelah bertemu dengan perayu pertama dan pasti bahawa kedua-dua perayu membawa dadah bersama mereka, pasukan serang hendap bertindak menahan kedua-dua perayu. Beg yang dibawa oleh perayu kedua didapati memuatkan dua bungkusan surat khabar yang mengandungi serbuk dan ketulan perang kotor yang kemudiannya disahkan oleh ahli kimia sebagai dadah jenis monoaceylmorphines seberat 28.6g. Perayu-perayu dituduh di bawah s 39B(1)(c) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') atas kesalahan mengedar dadah berbahaya dan di akhir perbicaraan, didapati bersalah atas

G

H

I

pertuduhan maka dijatuhkan hukuman mati. Dalam rayuan ini, alasan utama yang dikemukakan oleh perayu-perayu adalah bahawa hakim bicara terkhilaf daripada segi fakta dan undang-undang apabila beliau gagal mengambil kira fakta dan keadaan masa pada masa kejadian yang tidak menyokong inti pati pertuduhan iaitu 'telah melakukan suatu perbuatan sebagai persediaan bagi tujuan mengedar dadah berbahaya' terhadap kedua-dua perayu. Selanjutnya, peguam perayu kedua mengemukakan alasan bahawa perayu kedua tidak terlibat langsung dalam rundingan jual beli dadah kerana tiada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu kedua mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan ('Kanun') untuk melakukan suatu perbuatan persediaan bagi tujuan mengedar dadah berbahaya tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati kedua-dua perayu bersalah dan mensabitkan mereka atas pertuduhan berkenaan. Berdasarkan fakta dan keadaan sekeliling kes ini, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan perbuatan persediaan yang dilakukan oleh kedua-dua perayu bagi tujuan mengedar dadah berbahaya iaitu 28.6g monoacetylmorphines kepada SP4 di bawah s 39B(1)(c) ADB (lihat perenggan 19).

(2) Seksyen 34 Kanun memperuntukkan bahawa apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, setiap seorang daripada mereka adalah bertanggungan atas perbuatan tersebut sama seperti seolah-olah perbuatan itu dilakukan olehnya seorang. Walaupun hakim bicara tidak merujuk secara khusus kepada peruntukan s 34, pada hakikatnya, beliau betul dalam memutuskan bahawa semua perlakuan mereka yang perlu dilihat secara keseluruhan menunjukkan kedua-dua perayu mempunyai niat bersama di bawah s 34 untuk membuat persiapan dan persediaan untuk mengedarkan dadah. Perayu pertama merupakan orang yang telah membuat perbincangan bersama SP4 untuk urusan jual beli dadah. Walaupun perayu kedua tidak terlibat langsung dalam perbincangan awal, tetapi tindakan perayu kedua membawa dadah sebagaimana yang dijanjikan oleh perayu pertama kepada SP4 melengkapkan tindakan mereka untuk membuat persiapan dan persediaan bagi tujuan untuk mengedarkan dadah tersebut bersama-sama kepada SP4 (lihat perenggan 20 & 23).

[English summary

Acting on an information received of a certain drug activity, SP4 contacted the telephone number given to him by a source and the person contacted on the other end introduced himself as 'Ah Sing' ('the first appellant'). SP4 asked whether Ah Sing had drugs supply and Ah Sing informed SP4 that he could supply heroin at the price of RM15,000 per pound. SP4 told Ah Sing that he

needed two pounds of heroin at the price of RM30,000. The two then made arrangements to meet on the same night. That night, SP4 contacted Ah Sing and saw the first appellant answering the telephone and together with him was a man, the second appellant, carrying a bag. After meeting with the first appellant and convinced that both appellants were carrying drugs with them, the ambush party arrested the appellants. The bag carried by the second appellant was found to contain two newspaper packagings containing dirty brown powder and solids which were later confirmed by the chemist to be monoacetlmorphines weighing 28.6g. The appellants were charged under s 39B(1)(c) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') for the offence of trafficking in dangerous drugs and at the end of the trial, were found guilty as charged and hence, sentenced to death. In the present appeal, the main ground brought forth by the appellants was that the trial judge erred in facts and law when His Lordship failed to take into consideration the facts and circumstances of the time of event which did not support the ingredient of the charge which was 'had committed an act preparatory to the intention of trafficking in dangerous drugs' against the two appellants. Further, the second appellant's counsel submitted that the second appellant was not at all involved in the negotiation for the sale and purchase of drugs as there was no evidence to show that the second appellant had common intention under s 24 of the Penal Code ('Code') to commit an act preparatory to the intention of trafficking in the said dangerous drugs.

Held, dismissing the appeal:

(1) The trial judge had made the correct decision in finding both the appellants guilty and convicting them as per charged. Based on the facts and circumstances surrounding the case, the prosecution had succeeded in proving the preparatory act committed by both the appellants for the purpose of trafficking in dangerous drugs which was 28.6g of monoacetylmorphines to SP4 under s 39B(1) of the DDA (see para 19).

(2) Section 34 of the Code provided that when a criminal act had been committed by a number of individuals in order to achieve their common intention, each one of them would be liable for the act as if the act had been committed by him alone. Even though the trial judge did not specifically refer to the provision under s 34, in reality, His Lordship was correct in holding that their acts viewed in totality showed that both the appellants had the common intention under s 34 to make preparations and arrangements to traffic drugs. The first appellant was the person who had negotiated with SP4 regarding the sale and purchase of drugs. Even though the second appellant was not directly involved in the initial negotiation, the appellant's act of carrying the drugs as promised by the first appellant to SP4 completed their act of preparing to traffic drugs together to SP4 (see paras 20 & 23).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 375–432.

Kes-kes yang dirujuk

Gardner v Akeroyd [1952] 2 All ER 306, QBD (dirujuk)
Krishna Rao a/l Gurumurthi v PP and another appeal [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603, MP (dirujuk)
Sabarudin bin Non & Ors v PP [2005] 4 MLJ 37; [2005] 1 AMR 4, MR (dirujuk)
Tarmizi bin Yacob & Anor v PP and another appeal [2011] 4 MLJ 1; [2010] 8 CLJ 501, MP (dirujuk)
Wan Yurilhami bin Wan Yaacob & Anor v PP [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1), (1)(c)
Defence Regulations [UK] regs 55AB, 90(1)
Kanun Keseksaan ss 24, 34

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-107 Tahun 2006 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Ameenuddin Ibrahim (Ameen Harbhajan & Co) bagi pihak perayu pertama.
Hisham Nazir (Hisham Nazir & Co) bagi pihak perayu kedua.
Yusaini Amer Abd Karim (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azahar bin Mohamed HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Chen Chee Sin (perayu pertama) dan Liew Kah Poh (perayu kedua) telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Shah Alam dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 13 Disember 2005, jam lebih kurang 10.00 malam, di tepi Jalan Changkat Permata, Taman Permata, Ulu Klang, Ampang, di dalam Daerah Ampang Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, lanjutan dari niat bersama kamu semua telah melakukan suatu perbuatan sebagai persediaan bagi tujuan mengedar dadah berbahaya iaitu 28.6g monoacetylmorphines dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(c) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan dan dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir perbicaraan, YA hakim bicara mendapati kedua-dua perayu bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadap

mereka. Selanjutnya, YA hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap kedua-dua perayu.

[3] Kedua-dua perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini. Kami telah mendengar rayuan mereka dan di akhir pendengaran, kami dengan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan kedua-dua perayu adalah tidak bermerit dan dengan yang demikian ditolak.

[4] Keterangan-keterangan yang disandarkan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan terhadap kedua-dua perayu boleh diringkaskan seperti berikut. Kes pendakwaan sangat bergantung kepada keterangan ASP Loi Tew Lik (SP4) yang bertindak sebagai penyamar sulit dalam kes ini.

[5] Pada 13 Disember 2005, jam lebih kurang 4 petang, SP4 mendapat maklumat mengenai kegiatan dadah daripada sumber yang telah memberinya satu nombor telefon, iaitu 012-3639617. Melalui telefon bimbitnya, SP4 terus menghubungi nombor tersebut. Orang yang dihubungi di talian tersebut memperkenalkan dirinya sebagai Ah Sing. SP4 bertanya sama ada Ah Sing mempunyai bekaian dadah. Ah Sing telah beritahu SP4 yang beliau akan menghubungi SP4 kemudian. Lebih kurang satu jam kemudian, SP4 terima panggilan daripada Ah Sing yang memberitahu beliau boleh membekalkan dua jenis heroin. Heroin jenis pertama berwarna perang kotor berharga RM15,000 satu paun, yang mana Ah Sing tidak menjamin kualitinya. Heroin jenis kedua berwarna putih kotor berharga RM18,000. satu paun. SP4 menyatakan kepada Ah Sing bahawa beliau mahu dibekalkan heroin yang berwarna perang kotor sebanyak 2 paun dengan harga berjumlah RM30,000. Ah Sing memaklumkan beliau akan menghantar heroin tersebut kepada SP4 pada malam itu juga dan meminta SP4 menunggunya di kawasan sekitar Pizza Hut di Changkat Permata, Taman Permata, Ulu Klang pada jam 10 malam.

[6] Berikutan dari itu, pihak polis telah membuat perancangan yang melibatkan anggota seramai 19 orang. Dalam operasi tersebut, setiap anggota diberi peranan masing-masing mengikut perancangan sepertimana yang telah diatur.

[7] Pada jam lebih kurang 10 malam, SP4 tiba di tempat yang berkenaan dengan keretanya. Di situ, SP4 nampak sebuah kereta Proton Wira bernombor NAR 4825 ('Proton Wira') berhenti di tepi jalan. Pada ketika itu, perayu pertama dilihat sedang berdiri di tepi Proton Wira. SP4 telah memberhentikan keretanya di tepi Pizza Hut dan telah menelefon Ah Sing di nombor 012-3639617. Pada masa itu juga, SP4 nampak perayu pertama dalam keadaan menjawab telefon. Setelah SP4 memberitahu jenis kereta yang dipandunya iaitu Proton Satria bernombor ACV 6632, perayu pertama terus berjalan kaki menuju ke arah kereta SP4 dan berjumpa SP4 serta bercakap

dengannya melalui tepi tingkap bahagian pemandu kereta SP4. Keterangan SP4 mengenai pertemuannya dengan perayu pertama adalah seperti berikut:

> Pada masa Ah Sing berjumpa dengan saya, saya telah bertanya adakah barang itu sudah ada tetapi Ah Sing bertanya saya kembali sama ada saya ada membawa wang sebanyak RM30,000. Saya beritahu dia, saya sudah ada wang tersebut dan pada masa itu saya telah nampak 1 lelaki Cina yang pada masa itu saya tidak tahu identitinya berjalan melintasi kereta saya dalam keadaan mencurigakan sambil menjinjing 1 beg berwama biru yang bertulis crocodile di tangan kirinya. Saya nampak lelaki itu berpakaian t'shirt berwarna kuning berjalan ke belakang kereta saya dan melalui cermin pandang belakang dan juga saya ada toleh ke belakang tetapi lelaki itu telah hilang dari pandangan. Selepas itu lebih kurang 20 saat kemudian, saya nampak lelaki berpakaian t'shirt kuning telah datang ke kereta saya tanpa membawa beg biru berjenama crocodile tadi dan bercakap dengan Ah Sing dan selepas itu lelaki berpakaian t'shirt kuning telah masuk ke dalam tempat pemandu kereta wira biru tadi dan saya nampak kereta itu bergerak lebih kurang 10 meter ke hadapan dan berhenti. Ah Sing pada masa itu telah minta saya masuk ke dalam keretanya dan memberi jaminan benda itu sudah ada saya kira duit dalam kereta saya selepas itu kamu boleh turun dan ambil benda itu.

[8] Lelaki yang menjinjing satu beg berwarna biru yang bertulis *crocodile* di tangan kirinya itu adalah perayu kedua. SP4 kemudiannya telah memberi isyarat tangkap kepada anggotanya dengan menekan brek keretanya berulang kali. Dengan cepat pihak polis telah menghalang Proton Wira dari bergerak ke mana-mana dan perayu kedua yang berada dalam kereta tersebut telah ditahan. Dua orang perempuan Cina yang duduk di bahagian belakang kereta tersebut juga ditahan sama. Sementara itu, SP4 telah keluar dari keretanya dan telah menahan perayu pertama yang cuba untuk melarikan diri.

[9] Tidak berapa lama kemudian, SP4 telah membawa kedua-dua perayu ke suatu tempat yang berhampiran, iaitu lebih kurang 5 meter di hadapan Proton Wira. Di situ, di tepi pokok-pokok renek, SP4 telah menjumpai beg warna biru bertulisan *crocodile* yang dilihat sebelum ini dijinjing oleh perayu kedua. SP4 telah memeriksa beg yang berkenaan dan mendapati di dalamnya terdapat dua bungkusan surat khabar. Dalam bungkusan pertama surat khabar Metro, terdapat satu paket plastik lutsinar mengandungi serbuk dan ketulan berwarna perang kotor disyaki dadah heroin. Dalam bungkusan kedua, iaitu bungkusan surat khabar Kosmo, di dalamnya juga mengandungi satu paket plastik lutsinar mengandungi serbuk dan ketulan berwarna perang yang disyaki dadah heroin.

[10] Encik Abdul Rahim bin Shadan (SP3), seorang ahli kimia telah mengesahkan, setelah pemeriksaan dan analisis dijalankan, bahawa serbuk-serbuk tersebut adalah dadah berbahaya jenis monoacetylmorphines yang semuanya seberat 28.6g.

[11] Di hadapan kami, alasan utama yang sama yang dikemukakan oleh kedua-dua peguam perayu adalah tentang kekhilafan YA hakim bicara dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambil kira fakta dan keadaan pada masa kejadian yang tidak menyokong inti pati pertuduhan iaitu 'telah melakukan suatu perbuatan sebagai persediaan bagi tujuan mengedar dadah berbahaya' terhadap kedua-dua perayu.

[12] Kami tidak dapat menerima hujahan tersebut. Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') memperuntukkan seperti berikut:

> (1) No person shall, on his own behalf or on behalf of any other person, whether or not such other person is in Malaysia
>
> (a) traffic in a dangerous drug;
>
> (b) offer to traffic in a dangerous drug; or
>
> (c) do or offer to do an act preparatory to or for the purpose of trafficking in a dangerous drug.

[13] Perkataan 'persediaan' (preparatory) tidak didefinisikan dalam ADB. Mengikut *Black's Law Dictionary*, (9th Ed), ms 1301:

> Preparation. Criminal law. The act or process of devising the means necessary to commit a crime.

Ramanathan Aiyar's Advanced Law Lexicon, Vol 2, ms 2441:

> Preparatory relates to the purpose rather than the object, or the doer rather than the deed.

[14] Dalam kes *Gardner v Akeroyd* [1952] 2 All ER 306, responden telah dituduh *of doing an act preparatory to the commission of an offence against* reg 55AB contrary to reg 90(1) of the Defence Regulations. Dalam membincangkan isu berkaitan perbuatan 'preparatory', mahkamah telah berkata:

> So far as the two sections there referred to are concerned, knowledge and intent are necessary ingredients to constitute an offence. So far as an attempt is concerned, there again knowledge and intent are clearly necessary, while a conspiracy consists of an agreement to do an act which constitutes the substantive offence. In their context, therefore, it would be odd if the succeeding words imposed an absolute prohibition. Moreover, an act done immediately and not merely remotely connected with the commission of an offence constitutes an attempt, and, accordingly the act which constitutes merely an act preparatory to the commission of an offence will be an act further back in the sequence of acts leading up to the substantive offence. If mens rea is necessary in the case of an attempt, then it would, one would have thought, have been all the more necessary in the case of the doing

> of an act preparatory to the commission of an offence. Further, whether or not such an act is an act preparatory to the commission of an offence must, it seems to us, depend on intent

[15] Pada pandangan kami, sungguhpun *Gardner v Akeroyd* bukan kes dadah, namun dalam konteks kesalahan melakukan suatu perbuatan sebagai persediaan bagi tujuan mengedar dadah berbahaya yang merupakan kesalahan di bawah s 39B(1)(c) ADB, prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes tersebut boleh diikuti iaitu 'preparatory requires an act to be in sequence and leading to the substantive offence'.

[16] Dalam hubungan ini, kes *Tarmizi bin Yacob & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2011] 4 MLJ 1; [2010] 8 CLJ 501 memberi panduan tentang pemakaian peruntukan s 39B(1)(c) ADB. Dalam kes tersebut, perayu-perayu pada asalnya dituduh dengan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Namun begitu, di akhir perbicaraan, kedua-dua perayu telah disabitkan dan dihukum mati di atas kesalahan terpinda di bawah s 39B(1)(c) dibaca bersama s 34 Kanun. Faktanya adalah bahawa, pada 4 April 1996, jam lebih kurang 5 petang, Cif Inspektor Amir Hamzah, dengan menyamar sebagai pembeli dadah, telah diperkenalkan oleh sumbernya, kepada perayu kedua di sebuah restoran di Sungai Buloh. Berikutnya, Cif Inspektor Amir Hamzah memulakan perbincangan dengan perayu kedua untuk membeli 10kg ganja di mana perayu kedua bersetuju untuk membekalkannya. Perayu kedua kemudian menjemput Cif Inspektor Amir Hamzah mengikutinya ke Kampung Baru untuk mengambil dadah tersebut, tetapi, oleh kerana dadah belum tersedia, meminta supaya Cif Inspektor Amir Hamzah datang ke tempat yang sama keesokan harinya. Pada 5 April 1996, jam lebih kurang 9.20 malam, perayu kedua sampai di tempat yang dijanjikan bersama seorang lain yang diperkenalkan kepada Cif Inspektor Amir Hamzah sebagai perayu pertama. Perayu-perayu kemudian mengatakan mereka hanya mempunyai 3kg ganja sahaja dan sekali gus menunjuk dan membuka sebuah beg di hadapan Cif Inspektor Amir Hamzah yang mengandungi dadah tersebut. Sejurus kemudian, setelah mendapat isyarat, pasukan serang hendap polis telah menyerbu dan menangkap perayu-perayu selepas satu pergelutan. Hakim Mahkamah Tinggi mendapati kedua-dua perayu bersalah atas pertuduhan pindaan, dan telah mensabitkan perayu-perayu dan menjatuhkan hukuman mati. Perayu-perayu merayu ke Mahkamah Rayuan tetapi gagal. Mereka merayu seterusnya ke Mahkamah Persekutuan tetapi ditolak. Richard Malanjum HB (Sabah dan Sarawak) yang menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan, antara lain, telah berkata:

> On this issue the Court of Appeal held that the preparatory act for the purpose of trafficking drugs covers a number of continuing acts. It begins from an agreement until the successful handing over of the drugs to another party. The acts in between

carried out to achieve the purpose included such acts as getting the supply wrapping, sending and meeting between the parties.

[17] Berbalik kepada kes di hadapan kami, pada hemat kami, fakta-fakta berikut menunjukkan terdapatnya perbuatan yang berterusan dan berturut-turut yang tergolong sebagai perbuatan-perbuatan persediaan bagi tujuan untuk mengedar dadah yang berkenaan:

(a) pada 13 Disember 2005, terdapat perbincangan melalui telefon antara perayu pertama dan SP4 berhubung jual beli dadah sebanyak 2 paun;

(b) pada malam yang sama di tempat kejadian, SP4 telah berjumpa dengan perayu pertama, di mana perbincangan seterusnya telah dilakukan berkaitan dadah yang ditempah dan bayaran yang akan dibuat;

(c) pada masa yang sama, perayu kedua dilihat menjinjing beg berisi dadah dan dilihat menuju ke kawasan pokok renek di mana beg yang sama telah dijumpai berisi dadah yang berkenaan;

(d) perayu kedua telah beredar dari kawasan pokok renek menuju ke Proton Wira dan memasuki ke tempat duduk pemandu;

(e) perayu pertama menyatakan kepada SP4 bahawa dadah telah ada dan meminta SP4 memasuki Proton Wira untuk mengira wang dan sesudah itu, SP4 bolehlah mengambil dadah tersebut; dan

(f) serbuan kemudiannya telah dilakukan oleh pihak polis. Dadah yang dirampas adalah sama sebagaimana yang dijanjikan oleh perayu pertama kepada SP4 iaitu dari segi kuantiti, jenis dan warna dadah tersebut.

[18] Pada hemat kami, berdasarkan fakta dan keadaan sekeliling kes ini, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan perbuatan persediaan yang dilakukan oleh kedua-dua perayu bagi tujuan mengedar dadah berbahaya iaitu 28.6g monoacetylmorphines kepada SP4 di bawah s 39B(1)(c) ADB.

[19] Selanjutnya, peguam perayu kedua juga telah mengemukakan alasan bahawa perayu kedua tidak terlibat langsung dalam rundingan jual beli dadah. Peguam berhujah bahawa tiada keterangan yang menunjukkan perayu kedua mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun melakukan suatu perbuatan persediaan bagi tujuan mengedar dadah berbahaya tersebut. Menurut peguam, keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan terutama SP4 dengan jelas membuktikan tiada apa jua kaitan perayu kedua dalam proses jual beli dadah yang berkenaan. Menurut peguam lagi, kehadiran sahaja tidak membuktikan perayu kedua terlibat di dalam transaksi tersebut.

[20] Berdasarkan fakta kes ini, kami juga tidak dapat menerima hujahan peguam perayu kedua mengenai pemakaian s 34 Kanun. Seksyen 34

memperuntukkan bahawa apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, setiap seorang daripada mereka itu adalah bertanggung atas perbuatan itu sama seperti seolah-olah perbuatan itu dilakukan olehnya seorang. Niat bersama seharusnya perlu dikumpulkan daripada keadaan sesuatu kes (lihat *Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37; [2005] 1 AMR 4 dan *Krishna Rao a/l Gurumurthi v Public Prosecutor and another appeal* [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603).

[21] Dalam kes *Wan Yurilhami bin Wan Yaacob & Anor v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17, Zulkefli Ahmad Makinudin HMP (YAA pada ketika itu) sewaktu menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan telah berkata:

> It is a well established principle of law in dealing with the criminal liability under s 34 of the Penal Code that a pre-concert or pre-planning may develop on the spot or during the course of the commission of the offence, but the crucial test is that such plan must precede the act constituting the offence. The existence of common intention is a question of fact and in each case it may be proved as a matter of inference from the circumstances of the case. (See the cases of *Mahbub Shah v Emperor* AIR 1945 PC 118 and *Suresh v State of Uttar Pradesh* AIR 2001 SC 1344). In the present case, although the second appellant was not involved in the negotiation for the sale and purchase of the drugs, it is my judgment that the prosecution has established the common intention between the first appellant and the second appellant to commit the offence of trafficking of the said drugs. The prearranged plan of the first appellant and the second appellant to commit the offence can be inferred by reference to the acts of both of them meeting SP7 on 1 August 2001 and the fact that it was the second appellant who delivered the drugs to SP7.

[22] Berhubung isu niat bersama ini, YA hakim bicara dalam penghakiman beliau telah berkata:

> Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat nexus antara kedua-dua OKT dan dadah dalam transaksi penjualan dadah oleh OKT 1 kepada SP4 di mana OKT 2 juga terlibat dalam transaksi yang sama. Kemunculan OKT 1 dan terus membincang berkenaan transaksi yang sama seperti yang dibincangkan sebelum ini dan dalam insiden tersebut OKT 2 membawa dadah terbabit ke tempat yang dijanjikan adalah rentetan dari persetujuan OKT 1 untuk menjual dadah tersebut kepada SP4. Apa yang dibawa oleh OKT 2 berkenaan jenis dadah serta jumlahnya adalah apa yang dibincangkan antara OKT 1 dan SP4, maka secara kumulatifnya ini menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan tentang sifat dadah yang dibawa dan dibawa untuk dijual mengikut persetujuan transaksi yang sedang diuruskan, maka mereka mempunyai kuasa serta niat untuk melepaskan dadah itu kepada SP4 sebaik saja ada bayaran dibuat mengikut perjanjian antara mereka.

[23] Sungguhpun YA hakim bicara tidak merujuk secara khusus kepada peruntukan s 34 Kanun, namun pada hakikatnya, YA hakim adalah betul apabila memutuskan bahawa semua perlakuan mereka yang perlu dilihat secara keseluruhan menunjukkan kedua-dua perayu mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun membuat persiapan dan persediaan untuk mengedarkan dadah itu. YA hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul dari segi fakta dan undang-undang dan tiada sebarang sebab yang mewajarkan untuk kami mengganggu dapatan fakta ini. Berdasarkan kepada keterangan yang ada, perayu pertama merupakan orang yang telah membuat perbincangan bersama SP4 untuk urusan jual beli dadah. Walaupun perayu kedua tidak terlibat langsung di dalam perbincangan awal, tetapi tindakan perayu kedua membawa dadah sebagaimana yang dijanjikan oleh perayu pertama kepada SP4 melengkapkan tindakan mereka untuk membuat persiapan dan persediaan bagi tujuan untuk mengedarkan dadah itu bersama-sama kepada SP4.

[24] Sebagai kesimpulannya, setelah meneliti penghakiman YA hakim bicara dan menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati semua keterangan serta juga hujah semua pihak, kami sebulat suara telah memutuskan bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati kedua-dua perayu bersalah dan mensabitkan mereka atas pertuduhan yang berkenaan. Kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman terhadap mereka adalah selamat. Dengan yang demikian, rayuan mereka ditolak. Kami mengekalkan sabitan dan hukuman mati terhadap mereka.

Rayuan ditolak

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor